



الله لا إله إلا الله في بيته لا طلاق لا سبات لا خلل في ربي
الاسن دیش کوکوه فدمیتائکن دلیل مسئلله خلافیه

دکومفولکن اوله

جوائز کواس شرعیه نگری فیراق

یش دفتر و سییکن اوله

صاحب السماحة داتو هاج محمد غزالی بن حاج عبدالله

دی. فی. عیم. فی، ایه. عیم. فی.

مفتی نگری فیراق دار الرضوان

دتریستکن اوله

جیباتن حاکم احوالات کاظم فیراق

دباوه مرخانتر ملیسیا کینه

ناہلوں ۱۹۷۹

SINOPSIS BUKU:

**ALASAN-ALASAN YANG KUKUH
PADA MENYATAKAN DALIL-DALIL MASALAH KHILAFIAH**
Oleh: Unit Pusat Sumber Jabatan Mufti Negeri Perak

Buku ini merupakan salah satu penulisan yang menarik di perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Perak. Ia telah dikumpul oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perak (kini Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak) yang dipengerusikan oleh S.S. Datuk Haji Muhamad Ghazali Bin Haji Abdullah, Mufti Negeri Perak ketika itu.

Pengisian buku ini telah dirangka oleh Almarhum Tuan Guru Haji Muhammad Saman bin Haji Khan (Tuan Guru Muhammad Saman Kati), salah seorang ulama' nusantara yang juga mantan Ahli Majlis Agama Islam dan Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perak. Berdasarkan rangkaan inilah pengisiannya diubahsuai oleh jawatankuasa di dalam beberapa persidangan sehingga buku ini diterbit.

Buku ini bertujuan menolak secara ilmiah pandangan yang mengatakan sesetengah amalan umat Islam di negara ini sebagai *bid'ah dholalah* sekaligus menghilangkan keraguan dan mengukuhkan pendirian mereka yang beramal dengannya, tanpa merendah dan menghina pendapat-pendapat ulama' yang bertentangan. Ia terbahagi kepada beberapa bahagian mengikut permasalahan berkenaan perkara khilaf seperti azan pertama pada Jumaat, Qunut Subuh, talkin dan sebagainya.

Antara keistimewaan buku ini ialah ia mengupas dan menyelesai masalah khilafiah berdasarkan pandangan mazhab As-Syafi'i dan pandangan ulama'-ulama' muktabar. Ia juga dilengkapi dengan soalan-soalan lazim berkaitan dengan beberapa masalah khilafiah dan jawapannya, serta dimuatkan kesimpulan dan ulasan bagi setiap bahagian. Buku ini sesuai dibaca oleh masyarakat awam dan boleh dijadikan rujukan ahli-ahli akademik.